MUGILAN MONYARASU lwn. MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-02-05-2015]
28 OGOS 2015

PROSEDUR JENAYAH: *Habeas corpus – Permohonan – Perintah tahanan – Akta Pencegahan Jenayah 1959, s. 19A(1) – Cabaran terhadap perintah tahanan – Sama ada perintah tahanan mematuhi peruntukan s. 19A – Kegagalan mematuhi pra-syarat dalam pengeluaran perintah tahanan – Sama ada membentuk ketidakpatuhan s. 19A(1) – Sama ada perintah tahanan cacat*

PERKATAAN & ISTILAH: *Akta Pencegahan Jenayah 1959 – Seksyen 19A(4) – 'as soon as may be' – Takrifan – Sama ada bergantung pada fakta kes – Sama ada perintah tahanan diserahkan 'as soon as may be' – Sama ada menjejaskan perintah tahanan*

Ini adalah permohonan pemohon bagi mendapatkan perintah writ *habeas corpus* seperti yang diperuntukkan di bawah s. 365 Kanun Tatacara Jenayah. Pemohon telah ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('Akta') dan direman menurut peruntukan ss. 4(1)(a) dan 4(2)(a) Akta untuk membolehkan pegawai inkuiri menjalankan siasatan di bawah s. 9 Akta. Pegawai inkuiri menyediakan dapatan inkuiri seperti yang diperuntukkan di bawah s. 10 Akta dan tindakan susulan lain diambil sehingga Lembaga Pencegahan Jenayah bersidang pada 14 April 2015. Pemohon ditahan selama dua tahun atas perintah tahanan bertarikh 14 April 2015 yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah di bawah s. 19A(1) Akta ('perintah tahanan'). Pemohon mencabar perintah tahanan atas alasan: (i) responden-responden gagal menyerahkan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah yang dibuat di bawah s. 10(3)(b) Akta kepada pemohon dan ia merupakan ketidakpatuhan peruntukan s. 10(4) Akta; (ii) pegawai inkuiri gagal menyerahkan dapatan dan alasan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah dalam masa yang ditetapkan oleh undang-undang, bercanggah dengan peruntukan s. 10(2) Akta; (iii) alasan bagi perintah tersebut dibuat terkeluar daripada skop Akta, menyebabkan perintah tahanan cacat/defektif kerana bercanggah dengan peruntukan s. 19A(1) Akta; (iv) responden-responden gagal mematuhi pra-syarat pengeluaran perintah tahanan dan ia membentuk ketidakpatuhan s. 19A(1) Akta; (v) responden-responden gagal memfailkan afidavit L/Kpl Kamalanathan a/l Troung Kodang ('L/Kpl Kamalanathan') yang berperanan sebagai jurubahasa Tamil semasa menterjemah dapatan yang diserahkan kepada pemohon di bawah s. 10(2) Akta; dan (vi) kelewatan menyerahkan perintah tahanan kepada pemohon bercanggah dengan peruntukan s. 19A(1) Akta.

Diputuskan (membenarkan permohonan *habeas corpus* pemohon tanpa kos):

(1) Responden-responden, dalam afidavit yang difailkan di mahkamah, tidak menjawab isu yang dibangkitkan oleh pemohon dalam kedua-dua afidavit yang dirujuk. Oleh itu, responden-responden dianggap menerima fakta yang dibangkitkan oleh pemohon. Selanjutnya, pemakaian kes *Hanizam Hassan v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors* tidak disetujui mahkamah kerana Mahkamah Rayuan dalam kes itu tidak menyediakan penghakimannya dan oleh itu tidak diketahui sama ada isu berkaitan pemakaian peruntukan ss. 10(3)(a) dan 10(4) diputuskan secara *obiter* atau *per incuriam*. Dengan itu, responden-responden gagal mematuhi peruntukan ss. 10(3)(a) dan 10(4) dan pemohon seharusnya diberikan faedah atas ketidakpatuhan peruntukan Akta yang menjejaskan perintah di bawah s. 19A Akta. (perenggan 27, 30 & 31)

(2) Tiada tempoh masa ditetapkan di bawah s. 10(2) Akta bagi pegawai inkuiri menyerahkan laporan bertulis serta dapatan dan Borang 1 kepada Lembaga Pencegahan Jenayah. Segala tindakan pegawai inkuiri perlu dilakukan dalam tempoh 38 hari iaitu tempoh pemohon direman bagi tujuan siasatan atau inkuiri. Kelewatan 16 hari telah dijelaskan dalam afidavit pegawai inkuiri. Malah, pemohon tidak memfailkan apa-apa afidavit membantah sebarang kelewatan yang berlaku. (perenggan 44 & 45)

(3) Pengataan fakta-fakta jelas menyatakan 'pemohon sebagai ahli kumpulan yang aktif terlibat dalam jenayah berunsurkan kekerasan di sekitar kawasan Kapar, Klang, Selangor'. Oleh itu, isu yang dibangkitkan oleh pemohon bahawa alasan bagi perintah tahanan terkeluar daripada skop Akta adalah dakwaan kabur dan tidak menjejaskan perintah tahanan. Mahkamah tidak mengambil kira kekaburan, kecukupan atau kerelevanan alasan tahanan kerana ia tertakluk pada kuasa Eksekutif kecuali jika *mala fide* dibuktikan. (*L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors*). (perenggan 61, 63 & 65)

(4) Kegagalan Lembaga Pencegahan Jenayah menyatakan dalam perintah tahanan bahawa ia telah menimbangkan laporan pegawai inkuiri di bawah s. 10 Akta dan kajian semula di bawah s. 11 Akta, adalah satu kecacatan dan bercanggah dengan peruntukan s. 19A(1) Akta. Ketinggalan menyatakan pra-syarat tersebut semasa perintah tahanan disediakan tidak dapat diperbetulkan dengan afidavit kemudiannya. Sebarang percubaan responden-responden untuk memperbaiki kecacatan melalui afidavit tidak dapat menyelamatkan kecacatan yang berlaku di pihak Lembaga Pencegahan Jenayah. (perenggan 70)

(5) Walaupun tiada afidavit difailkan oleh L/Kpl Kamalanathan sebagai jurubahasa Tamil, ia tidak menjejaskan hak pemohon sehingga menyebabkan perintah tahanan cacat. Pemohon dalam afidavit sokongan dan afidavit tambahan mengaku sebagai seorang warganegara Malaysia di mana Bahasa Malaysia merupakan bahasa kebangsaan. Mahkamah berpendapat bahawa pemohon memahami apa yang diterangkan oleh ASP Jagjeet Singh dengan bantuan L/Kpl Kamalanathan sebagai jurubahasa Tamil. (perenggan 76, 78, 79 & 81)

(6) Seksyen 19A(4) Akta tidak menetapkan tempoh masa tertentu bagi penyerahan perintah tahanan kepada pemohon. Parlimen hanya menyatakan 'as soon as may be'. Takrifan frasa 'as soon as may be' bergantung pada fakta sesuatu kes (*Kam Teck Soon v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Yang Lain*). Perintah tahanan dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah pada 14 April 2015 dan diserahkan pada 15 April 2015 pada jam 12.50 malam dan oleh itu, responden-responden telah menyerahkan perintah tahanan tersebut 'as soon as may be' dalam konteks s. 19A Akta. Dengan itu, kesahan perintah tahanan tidak terjejas. (perenggan 85, 86 & 89)

(7) Perintah tahanan jelas menyatakan bahawa tempoh dua tahun bermula dari 14 April 2015 iaitu tarikh Lembaga Pencegahan Jenayah bersidang dan bukan berkuat kuasa pada tarikh yang berlainan seperti dalam kes *Kumaran Suppiah v. Dato' Noh Hj Omar & Anor* di mana terdapat kelewatan dan tiada penjelasan diberikan bagi kelewatan tersebut. Walaupun salinan perintah tahanan diserahkan pada 15 April 2015 pada jam 12.50 malam, ini tidak menjejaskan hak pemohon membuat representasi kepada Lembaga Penasihat mengikut per. 3(2) Peraturan-Peraturan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014. (perenggan 91 & 92)

Kes-kes yang dirujuk:

Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain [2015] 5 CLJ 223 HC ***(dirujuk)***

Kam Teck Soon lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Yang Lain [2001] 7 CLJ 586 HC ***(diikuti)***

Keng Kien Hock v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors [2007] 5 CLJ 171 CA ***(dirujuk)***

Kumaran Suppiah v. Dato' Noh Hj Omar & Anor [2006] 4 CLJ 675 FC ***(dibezakan)***

Kumareshan Subramaniam v. Dato' Chor Chee Heung & Anor [2003] 4 CLJ 116 HC ***(dirujuk)***

L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 7 CLJ 653 FC ***(diikuti)***

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam & Another Case [1993] 4 CLJ 336 SC ***(dirujuk)***

Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Bhd [1995] 1 CLJ 609 CA ***(dirujuk)***

Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 1 LNS 129 FC ***(dirujuk)***

A *Sathiyamurthi v. Penguasa/Komandan, Pusat Pemulihan Karangan, Kedah [2006] 4 CLJ 862 FC* ***(dirujuk)***

SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

B Criminal Procedure Code, s. 365

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, s. 6(1)

Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 5 1969, s. 4(1)

Federal Constitution, arts. 5(3), 151(1)(a)

Prevention of Crime (Advisory Board Procedure) Regulations 2014, reg. 3(2)

Prevention of Crime Act 1959, ss. 3(1), 4(1)(a), (2)(a), 9, 10(1), (2), (3)(b), (4),

C 11(1), 12(1)(b), 19A(1), (4)

Bagi pihak pemohon - Michael KL Chee; T/n KL Chee & Co

Bagi pihak responden-responden - Mohamad Abazafree Mohd Abbas; Peguam Kanan Persekutuan

D *Dilaporkan oleh S Barathi*

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

Pengenalan

E

[1] Ini merupakan permohonan oleh pemohon untuk mendapatkan perintah writ *habeas corpus* sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 365 Kanun Tatacara Jenayah. Permohonan ini sebagaimana lazimnya telah dibantah oleh responden-responden dan pada 28 Ogos 2015, mahkamah ini

F telah membenarkan permohonan pemohon di lampiran (2) tanpa kos.

[2] Responden-responden yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Persekutuan, Malaysia.

Fakta Kes

G **[3]** Pemohon telah ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta itu) pada 17 Februari 2015 oleh Inspektor Mohd Anuar bin Ibrahim sebagaimana Sungai Kapar No: 001170/15 (eks. "NJS-1"). Pemohon kemudiannya telah direman mengikut peruntukan s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta itu bagi membolehkan pegawai inkuiri iaitu Nor Jamilah

H Suhaidah binti Tohet menjalankan siasatan di bawah s. 9 Akta itu.

[4] Pegawai inkuiri kemudiannya menyediakan dapatan inkuiri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 10 Akta itu dan tindakan susulan yang lainnya telah diambil sehinggalah Lembaga Pencegahan Jenayah bersidang pada 14 April 2015.

I

[5] Pemohon kemudiannya telah ditahan selama dua tahun mulai dari 14 April 2015 di Pusat Pemulihan Khas, Pokok Sena, Kedah Darul Aman di atas suatu perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Lembaga itu bertarikh 14 April 2015 (eks. "DAK2") di bawah s. 19A(1) Akta itu (perintah tersebut).

Merit Permohonan

[6] Mahkamah ini berpendapat sebelum menyentuh isu-isu yang diketengahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar bagi mencabar perintah itu, eloklah dijenguk kembali nas-nas duluan yang memberikan garis panduan untuk diikuti dalam menggarap permohonan sebegini yang melibatkan kebebasan individu.

[7] Mahkamah ini merujuk kes *Sathiyamurthi v. Penguasa /Komandan, Pusat Pemulihan Karangan, Kedah* [2006] 4 CLJ 862 di mana YA Augustine Paul HMP menyatakan:

> Thus in a writ of *habeas corpus* the question for the court to determine is whether the person is lawfully detained. If he is, the writ cannot be issued and if he is not, it must be issued (see *R v. Home Secretary, Ex parte Greene* [1941] 3 All ER 104). The lawfulness of a detention would depend upon whether the breach complained of is mandatory or directory. A mandatory requirement is one that is of direct relevance to the detention. A breach of it will entitle a person to a writ of *habeas corpus* without the need to establish prejudice. A breach of a requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance and there is no prejudice.

[8] Mahkamah ini perlu melihat kepada peruntukan atau tatacara yang telah pun ditetapkan di bawah Akta itu sama ada terdapat perlanggaran oleh responden-responden sebelum mengeluarkan perintah tersebut di bawah s. 19A(1) Akta itu. Mahkamah ini turut merujuk kes *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 1 LNS 129 di mana Mahkamah Persekutuan membuat pengamatannya:

> Preventive detention is, therefore, a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard that is provided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the court. In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorising detention without trial must strictly construed and safeguards which the law provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the detention cannot be held to be in accordance with procedure established by law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of *habeas corpus* is entitled to avail himself of any technical defect which may invalidate the order which deprived the deponent of his liberty.

[9] Responden-responden mempunyai beban tugas untuk memuaskan mahkamah ini iaitu semua prosedur atau tatacara yang diperuntukkan di bawah Akta itu ianya dipatuhi mengikut undang-undang. Mahkamah ini bersetuju dan berkongsi pandangan dengan YA Gopal Sri Ram HMP dalam kes *SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705 menyatakan:

> [5] In my considered judgment the point at stake falls to be resolved with reference to the principles governing the burden of proof in an application for *habeas corpus*. It is settled law that on an application for *habeas corpus* the burden of satisfying the court that the detention is lawful lies throughout on the detaining authority. See, *Chng Suan Tze v. The Minister of Home Affairs & Ors And Other Appeals* [1988] 1 LNS 162. In *Mohinuddin v. District Magistrate, Beed* AIR [1987] SC 1977, the Supreme Court of India observed as follows in the context of art.22 of the Indian Constitution from which is drawn our art. 151:
>
> > It is enough for the detainee to say that he is under wrongful detention, and the burden lies on the detaining authority to satisfy the Court that the detention is not illegal or wrongful and that the petitioner is not entitled to the relief claimed. This Court on more occasions than one has dealt with the question and it is now well-settled that it is incumbent on the State to satisfy the Court that the detention of the petitioner/detainee was legal and in conformity not only with the mandatory provisions of the Act but also strictly in accord with the constitutional safeguards embodied in Art. 22(5).

[10] Berbekalkan prinsip-prinsip yang diputuskan dalam nas-nas duluan yang dirujuk sebelum ini, mahkamah ini akan memperhalusi dan menimbangkan alasan-alasan pemohon bagi mencabar perintah tahanan tersebut.

[11] Mahkamah ini telah meneliti dan menghalusi penghujahan bertulis peguam pemohon yang terpelajar, nampaknya beliau menumpukan cabarannya atas perintah tahanan berdasarkan isu-isu berikut:

(1) Responden-responden gagal menyerahkan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah yang dibuat di bawah s. 10(3)(b) Akta itu kepada pemohon dan ianya ketidakpatuhan kepada peruntukan s. 10(4) Akta itu.

(2) Pegawai inkuiri gagal menyerahkan dapatan dan alasan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah dalam masa yang ditetapkan oleh undang-undang dan ianya bercanggah dengan peruntukan s. 10(2) Akta itu.

(3) Alasan-alasan yang atasnya perintah tersebut dibuat terkeluar daripada skop Akta itu dan menyebabkan perintah itu cacat/defektif kerana bercanggah dengan peruntukan s. 19A(1) Akta itu.

(4) Responden-responden gagal mematuhi pra-syarat dalam pengeluaran perintah itu dan ianya ketidakpatuhan kepada s. 19A(1) Akta itu.

(5) Responden-responden gagal memfailkan afidavit L/Kpl Kamalanathan a/l Troung Kodang yang berperanan sebagai jurubahasa Tamil semasa menterjemahkan dapatan yang diserah kepada pemohon di bawah s. 10(2) Akta itu.

(6) Kelewatan menyerahkan perintah tahanan kepada pemohon ianya bercanggah dengan peruntukan s. 19A(1) Akta itu.

Isu (1): Penghujahan Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[12] Peguam pemohon yang terpelajar telah menghujahkan responden-responden gagal menyerahkan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah yang dibuat di bawah s. 10(3)(b) Akta itu kepada pemohon dan ianya ketidakpatuhan kepada peruntukan s. 10(4) Akta itu.

[13] Pemohon dalam afidavit sokongannya yang diikrarkan pada 27 Mei 2015 di perenggan (19) dan afidavit sokongan tambahan yang diikrarkan pada 23 Jun 2015 di perenggan (12) telah mendeposkan iaitu tidak pernah menerima apa-apa keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah yang dibuat mengikut peruntukan s. 10(3)(b) Akta itu.

[14] Selanjutnya dihujahkan responden-responden dalam afidavitnya yang difailkan tidak menjawab atau menyangkal dakwaan ini. Kegagalan responden-responden untuk berbuat demikian terjumlah kepada penerimaan fakta tiada penyerahan keputusan kepada pemohon dan ianya bercanggah dengan peruntukan s. 10(4) Akta itu.

[15] Peguam pemohon yang terpelajar telah bersandarkan kes *Keng Kien Hock v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2007] 5 CLJ 171; [2007] 5 MLJ 611 berkaitan isu kegagalan memfailkan afidavit jawapan oleh responden-responden.

[16] Peguam pemohon yang terpelajar bergantung kepada kes *Hanizam Hassan v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors* [2015] 5 CLJ 223 berkaitan isu kegagalan menyerahkan sesalinan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 10(4) Akta itu dengan serta-merta.

[17] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan PKP yang terpelajar sekadar menyatakan Mahkamah Rayuan, Malaysia bersetuju dengan isu s. 10(4) dibaca bersama s. 10(3)(b) Akta itu sekadar pernyataan lisan dan tiada penghakiman bertulis disediakan oleh Mahkamah Rayuan, Malaysia.

Penghujahan Peguam Kanan Persekutuan [PKP] Yang Terpelajar

[18] PKP yang terpelajar telah menghujahkan tiada keperluan bagi responden-responden menyerahkan salinan keputusan kepada pemohon sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

[19] PKP yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 10 Akta itu mempunyai dua keadaan iaitu s. 10(1) Akta itu dan s. 10(2) Akta itu. Bagi s. 10(1) Akta itu sekiranya alasan-alasan tidak mencukupi dan peruntukan s. 10(3)(b) dan s. 10(4) Akta itu terpakai.

[20] PKP yang terpelajar menghujahkan kes pemohon tergolong dalam kategori s. 10(2) Akta itu dan tiada keperluan untuk menyerahkan salinan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah kepada pemohon.

[21] PKP yang terpelajar telah menghujahkan dalam kes *Hanizam Hassan (supra)* ianya melibatkan tiga isu utama iaitu (i) kegagalan menyerahkan dapatan dengan serta merta ketidakpatuhan s. 10(2) Akta itu, (ii) pendaftaran di bawah s. 12(1) Akta itu dibuat sebelum Lembaga Pencegahan Jenayah bersidang mengikut peruntukan s. 12(1)(b) Akta itu dan (iii) ketidakpatuhan s. 10(4) dibaca bersama dengan s. 10(3)(b) Akta itu. Mahkamah Rayuan, Malaysia telah menolak rayuan perayu (Lembaga Pencegahan Jenayah) dan bersetuju dengan keputusan mahkamah ini dalam isu (i) dan (ii). Sebaliknya bersetuju dengan perayu dalam isu (iii).

[22] PKP yang terpelajar menghujahkan mahkamah ini terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan, Malaysia dalam isu (iii) ini dan memohon agar hujahan peguam pemohon yang terpelajar atas isu (1) ini ditolak.

Pendapat Mahkamah Ini

[23] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan responden-responden gagal menyerahkan salinan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah yang dibuat mengikut peruntukan s. 10(3)(b) Akta itu kepada permohonan bagi mematuhi peruntukan s. 10(4) Akta itu.

[24] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 10(3)(b) dan s. 10(4) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (b) based on the Inquiry Officer's finding there are sufficient grounds for believing that the person is a member of any of the registrable categories, the Board shall proceed in accordance with Parts III, IV and IVA of this Act.
>
> s. 10(4) If the Board makes a decision under paragraph (3)(b), it shall forward a copy of its decision to the officer having custody of the person, who shall forthwith serve a copy of the decision of the Board on that person.

[25] Mahkamah ini telah meneliti afidavit sokongan pemohon yang diikrarkan pada 27 Mei 2015 di perenggan (19) yang berbunyi seperti berikut:

> 19. Selanjutnya saya juga menyatakan bahawa pada bila-bila masa tidak pernah disampaikan dan menerima apa-apa salinan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah dan saya dinasihati oleh peguambela saya bahawa ini merupakan suatu ketidakpatuhan kepada prosedur mandatory.

[26] Mahkamah ini turut menimbangkan afidavit tambahan pemohon yang diikrarkan pada 23 Jun 2015 di perenggan (12) yang menyatakan:

> 12. Saya juga tidak disampaikan dengan Salinan keputusan lembaga pencegah jenayah berhubung dengan keputusan yang dibuat dibawah perenggan sek. 10(3)(b) akta berkenaan.

[27] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar iaitu responden-responden dalam afidavit yang difailkan di mahkamah tidak menjawab isu yang dibangkitkan oleh pemohon dalam kedua-dua afidavit yang dirujuk sebentar tadi. Mahkamah ini bersetuju dalam keadaan ini responden-responden dianggap menerima fakta yang dibangkitkan oleh pemohon. Mahkamah ini bersetuju dengan kes yang dirujuk oleh peguam pemohon yang terpelajar iaitu kes *Keng Kien Hock (supra)* yang memutuskan:

> Mahkamah seterusnya mendapati perayu sememangnya tidak mencabar atau mempertikaikan penegasan spesifik yang dibuat bagi pihak responden-responden berhubung isu yang ditimbulkan dengan memfailkan afidavit pematahan keterangan. Kegagalan untuk berbuat sedemikan membentuk konsesi di pihak perayu (lihat perenggan 23).

[28] Mahkamah ini turut merujuk kes *Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Bhd* [1995] 1 CLJ 609; [1995] 1 MLJ 281 di mana YA Gopal Sri Ram HMR dalam penghakimannya ada menzahirkan pandangannya:

> 1) In evaluating affidavit evidence, where one party makes a positive assertion upon a material issue, the failure of his opponent to contradict it is usually treated as an admission by him of the fact so asserted.

[29] PKP yang terpelajar telah menghujahkan peruntukan s. 10(3)(b) dan s. 10(4) Akta itu tidak terpakai dalam konteks kes pemohon dan tiada keperluan bagi responden-responden menyerahkan salinan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah kepada pemohon. PKP yang terpelajar nampaknya bergantung kepada keputusan Mahkamah Rayuan, Malaysia dalam kes *Hanizam Hassan (supra)* yang dikatakan memihak pihak perayu iaitu Lembaga Pencegahan Jenayah berkaitan pemakaian peruntukan s. 10(3)(b) dan s. 10(4) Akta itu.

[30] Mahkamah ini dengan penuh hormat tidak bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar dalam isu ini memandangkan Mahkamah Rayuan, Malaysia tidak menyediakan penghakimannya dan dalam keadaan sebegini tidak dapat diketahui sama ada isu ini diputuskan secara *obiter* atau *per incuriam* dalam kes *Hanizam Hassan (supra)*.

[31] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini bersetuju dan sependapat dengan pendirian peguam pemohon iaitu responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 10(3)(b) dan s. 10(4) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat pemohon seharusnya diberi faedah atas ketidakpatuhan peruntukan Akta itu dan ianya menjejaskan perintah tersebut yang dibuat di bawah s. 19A Akta itu.

A *Isu (2): Penghujahan Peguam Pemohon Yang Terpelajar*

[32] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan pegawai inkuiri gagal menyerahkan dapatan dan alasan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah dalam masa yang ditetapkan oleh undang-undang dan ianya bercanggah dengan peruntukan s. 10(2) Akta itu.

B

[33] Pegawai inkuiri telah menyerahkan sesalinan dapatan di bawah s. 10(2) Akta itu dan sesalinan Borang 1 di bawah s. 11(1) Akta itu kepada ASP Jagjeet Singh a/l Hazura Singh pada 23 Mac 2015. Sebaliknya pada 7 April 2015, pegawai inkuiri barulah menyerahkan laporan lengkap bertulis berserta dapatan dan Borang 1 kepada Lembaga Pencegahan Jenayah.

C

[34] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan berlakunya kelewatan selama 16 hari (23 Mac 2015 hingga 7 April 2015) bagi mematuhi peruntukan s. 10(2) yang memerlukan ianya diserahkan dengan serta merta kepada Lembaga Pencegahan Jenayah. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan tiada afidavit yang difailkan oleh pegawai inkuiri yang menjelaskan sebarang kelewatan tersebut.

D

[35] Peguam pemohon yang terpelajar bergantung kepada kes *Hanizam (supra)* berkaitan takrifan "serta-merta" sebagai nas sandarannya. Beliau menghujahkan penyerahan dalam masa lima hari bukannya "serta-merta".

E

Penghujahan PKP Yang Terpelajar

[36] PKP yang terpelajar dalam hujahannya secara ringkas menyatakan responden-responden telah mematuhi keperluan s. 10(2) Akta itu dan tidak bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar berkaitan isu (2) ini.

F

[37] PKP yang terpelajar telah merujuk afidavit Nor Jamilah Shuhadah binti Tohet (Pegawai Inkuiri) yang telah memberikan penjelasan berkaitan isu ini dalam afidavitnya. Pada 23 Mac 2015, pegawai inkuiri telah pun menyerahkan sesalinan dapatan dan Borang 1 kepada ASP Jagjeet Singh a/l Hazura Singh.

G

[38] Pada 7 April 2015, barulah pegawai inkuiri menyerahkan laporan lengkap bertulis berserta dapatan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah. PKP yang terpelajar merujuk perenggan 14 afidavit berkenaan bagi menyokong penegasannya.

H

[39] PKP yang terpelajar menghujahkan isu di hadapan kes *Hanizam (supra)* ianya melibatkan serahan dapatan kepada pemohon dan ianya tidak berkaitan dengan isu di hadapan mahkamah sekarang.

[40] PKP yang terpelajar menghujahkan bagi maksud s. 10(2) Akta ini tiada tempoh masa ditetapkan bagi pegawai inkuiri menyerahkan laporan bertulis kepada Lembaga Pencegahan Jenayah. PKP yang terpelajar menghujahkan sebelum pegawai inkuiri menyediakan laporannya kepada Lembaga

I

Pencegahan Jenayah ianya melalui proses yang panjang. PKP yang terpelajar menghujahkan apa yang penting segala tindakan perlu dilakukan dalam tempoh penahanan pemohon iaitu 38 hari.

[41] PKP yang terpelajar menghujahkan kelewatan jika ada ianya munasabah dan tidak memprejudiskan pemohon. PKP yang terpelajar menghujahkan pemohon tidak mengemukakan apa-apa afidavit bagi membantah atau mencabar isu kelewatan 16 hari berkenaan.

Pendapat Mahkamah Ini

[42] Peguam pemohon yang terpelajar telah membangkitkan kelewatan pegawai inkuiri menyerahkan laporan bertulis serta dapatan dan Borang I kepada Lembaga Pencegahan Jenayah dan dikatakan ianya bercanggah dengan peruntukan s. 10(2) Akta itu. Pegawai inkuiri telah pun menyediakan dapatan dan salinan Borang 1 pada 23 Mac 2015 dan menyerahkan kepada ASP Jagjeet Singh a/l Hazura Singh. Sebaliknya pegawai inkuiri menyerahkan laporan bertulis serta dapatan dan Borang I pada 7 April 2015 iaitu hampir 16 hari.

[43] Mahkamah ini berpendapat eloklah diperturunkan peruntukan s. 10(2) Akta itu untuk kemudahan rujukan. Peruntukan s. 10(2) Akta itu berbunyi seperti berikut:

> 10(2) If the Inquiry Officer is satisfied that there are reasonable grounds for believing that the person who was the subject of the inquiry is a member of any of the registrable categories, he shall report the grounds, together with his finding, to the Board, and shall forward a copy of his finding to the officer having custody of the person, who shall forthwith serve a copy of the finding of the Inquiry Officer on that person.

[44] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar yang menyatakan pegawai inkuiri perlu menyerahkan laporan bertulis serta dapatan dan Borang I kepada Lembaga Pencegahan Jenayah dengan serta-merta. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar ianya tiada tempoh masa ditetapkan di bawah s. 10(2) Akta itu bagi pegawai inkuiri untuk menyerahkan laporan bertulis serta dapatan dan Borang I kepada Lembaga Pencegahan Jenayah.

[45] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar apa yang penting segala tindakan pegawai inkuiri ianya perlu dilakukan dalam tempoh 38 hari iaitu tempoh pemohon direman bagi tujuan siasatan atau inkuiri. Mahkamah ini juga berpendapat kelewatan 16 hari telah pun dijelaskan dalam afidavit pegawai inkuiri. Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar kes *Hanizam (supra)* yang menjadi rujukan peguam pemohon ianya melibatkan isu serahan salinan dapatan yang perlu diserahkan kepada pemohon dengan serta-merta. Sebaliknya dalam isu (2) ini ianya melibatkan isu yang berlainan sama sekali. Mahkamah ini juga

bersetuju dengan PKP yang terpelajar iaitu pemohon tidak memfailkan apa-apa afidavit bagi membantah sebarang kelewatan yang berlaku sebagaimana yang didakwa oleh pemohon.

[46] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan penghujahan pemohon yang terpelajar dalam isu (2) bagi mencabar perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah.

Bagi Isu (3) Dan (4):

[47] Mahkamah ini akan menyentuh isu (3) dan (4) bersekali dalam penghakimannya memandangkan isu ini saling kait-mengait antara satu dengan yang lainnya.

Penghujahan Peguam Pemohon Yang Terpelajar

(Isu (3))

[48] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan alasan-alasan yang atasnya perintah tersebut dibuat terkeluar daripada skop Akta itu. Beliau selanjutnya menghujahkan perintah itu cacat/defektif dan ianya bercanggah dengan peruntukan s. 19A(1) Akta itu.

[49] Peguam pemohon yang terpelajar telah menarik perhatian mahkamah ini kepada afidavit sokongan pemohon yang diikrarkan pada 27 Mei 2015 khasnya perenggan 24 dan 34 yang menyatakan fakta-fakta tidak termasuk dalam skop s. 19A(1) Akta itu. Beliau turut merujuk afidavit tambahan pemohon yang diikrarkan pada 23 Jun 2015 khasnya di perenggan 15 dan 21 yang menyatakan perintah kabur dan tidak jelas mengapa pemohon dikenakan perintah tahanan selama dua tahun di dalam Pusat Pemulihan Akhlak (PPA), Pokok Sena, Kedah Darul Aman. Peguam pemohon yang terpelajar merujuk pengataan-pengataan fakta (eks. "DAK3") di mana telah mengasaskan perintah tahanan atas alasan pemohon sebagai ahli kumpulan yang aktif terlibat dalam jenayah berunsurkan kekerasan di sekitar kawasan Kapar, Klang, Selangor.

[50] Peguam pemohon menghujahkan "DAK3" tidak menyatakan perintah tahanan atas "kepentingan kententeraman awam, keselamatan awam atau pencegahan jenayah" sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 19A(1) Akta itu. Perintah tahanan itu terkeluar daripada skop peruntukan s. 19A(1) Akta itu.

(Isu (4))

[51] Peguam pemohon yang terpelajar juga membangkitkan kegagalan responden-responden mematuhi pra-syarat pengeluaran perintah tahanan di bawah s. 19A(1) Akta itu iaitu merujuk eks. "DAK2". Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah sekadar menyatakan berpuas hati perintah tahanan dikeluarkan tanpa menyatakan telah menimbangkan laporan pegawai inkuiri yang dikemukakan di bawah s. 10 dan apa-apa hasil kajian di bawah s. 11 Akta itu. Kegagalan ini menyebabkan perintah tahanan kabur dan tidak jelas

dan ianya menyebabkan perintah tahanan cacat/defektif. Beliau merujuk kes *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors v. Lee Gee Lam And Another case* [1993] 4 CLJ 336; [1993] MLRA 508 dan *Muhammad Jailani Kassim v.Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2006] 4 CLJ 687 sebagai menyokong penegasannya berkaitan isu yang dibangkitkan.

[52] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan afidavit jawapan Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid tidak dapat memperbetulkan sebarang ketinggalan melalui afidavit. Beliau merujuk kes *Kumareshan a/l Subramaniam v. Dato' Chor Chee Heung & Ors* [2003] 4 CLJ 116; [2003] 4 MLJ 384.

Penghujahan PKP Yang Terpelajar

[53] PKP yang terpelajar mengambil pendekatan untuk menghujahkan isu (3), (4) dan (5) bersekali kerana ianya saling kait-mengait antara satu dengan yang lainnya.

[54] PKP yang terpelajar telah menghujahkan mengikut art. 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan apabila seseorang ditahan hendaklah dibekalkan "grounds of detention". PKP yang terpelajar menghujahkan "grounds of detention" telah pun diperincikan dalam afidavit yang diikrarkan oleh Dato' Ahmad Kamal bin Md Sahid. Selanjutnya dihujahkan ianya memadai kerana telah pun dinyatakan dalam perintah tahanan (DAK2).

[55] PKP yang terpelajar menghujahkan perintah tahanan (DAK2) bukannya "statutory form". Segala proses sebelum perintah tahanan dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah telah pun diterangkan dalam afidavit Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah.

[56] Lembaga Pencegahan Jenayah juga telah menimbangkan laporan pegawai inkuiri di bawah s. 10 Akta itu dan kajian semula di bawah s. 11 Akta itu sebelum mengeluarkan perintah tahanan (DAK2). Perintah tahanan telah pun dikeluarkan berdasarkan alasan kepentingan ketenteraman awam dan pencegahan jenayah sebagaimana kehendak peruntukan s. 19A(1) Akta itu.

[57] PKP yang terpelajar telah merujuk kes yang tidak dilaporkan yang mengupas isu yang sama iaitu dalam Mahkamah Tinggi Malaya Ipoh Permohonan Jenayah No: 44-8-2008, *Kumaravel a/l Perisamay v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri & 2 Yang Lain* bagi menyokong hujahannya. Mahkamah ini akan menyentuh kes ini kemudian dalam penghakimannya.

[58] PKP yang terpelajar menghujahkan kedudukan muktahir berkaitan isu yang dibangkitkan oleh peguam pemohon ada diputuskan dalam kes *L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 7 CLJ 653 iaitu mahkamah tidak mengambil kira tentang kekaburan, kecukupan atau kerelevanan alasan-alasan tahanan ianya tertakluk kepada kuasa eksekutif kecuali dibuktikan *mala fide*.

[59] PKP yang terpelajar telah menghujahkan isu berkaitan pemfailan afidavit oleh Norsyila Darlina, Penolong Setiausaha Lembaga Pencegahan Jenayah. PKP yang terpelajar menghujahkan dalam permohonan *habeas corpus* yang bergantung kepada afidavit ianya bukan keperluan untuk memfailkan semua afidavit. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah di perenggan 10 dan 11 afidavitnya telah menyatakan semua prosedur telah pun dipatuhi sebelum perintah tahanan (DAK2) dikeluarkan atas pemohon.

[60] Lembaga Pencegahan Jenayah telah pun memperakukan kepada Yang DiPertuan Agong. Sebaik Yang DiPertuan Agong memberikan perkenannya, responden-responden telah pun mematuhi art. 151(a) Perlembagaan Persekutuan.

Pendapat Mahkamah Ini

[61] Peguam pemohon yang terpelajar telah membangkitkan isu alasan-alasan yang dirujuk dalam "DAK3" ianya bercanggah dengan alasan-alasan yang dinyatakan dalam perintah tahanan (DAK2). Mahkamah ini telah meneliti pengataan fakta-fakta di DAK3 yang secara jelas menyatakan "pemohon sebagai ahli kumpulan yang aktif terlibat dalam jenayah berunsurkan kekerasan di sekitar kawasan Kapar, Klang, Selangor".

[62] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan DAK3 tidak menyatakan keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah s. 19A(1) Akta itu iaitu "kepentingan ketenteraman awam, keselamatan negara dan pencegahan jenayah".

[63] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar isu yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar lebih kepada alegasi yang dikatakan kabur dan ianya tidak menjejaskan perintah tahanan (DAK2). Mahkamah ini bersetuju dengan kes yang tidak dilaporkan iaitu dalam Mahkamah Tinggi Malaya Ipoh Permohonan Jenayah No: 44-8-2008, *Kumaravel a/l Perisamay v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri & 2 Yang Lain.* Dalam kes *Kumaravel a/l Periasamy (supra)* ianya melibatkan peruntukan s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 di mana dalam perintah menggunakan perkataan-perkataan "memudaratkan ketenteraman awam" dan bukannya "kepentingan ketenteraman awam" sebagaimana yang termaktub di bawah s. 6(1) Akta berkaitan. Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi telah merayu ke Mahkamah Persekutuan (Rayuan Jenayah No: 05-120-2008(A)). Mahkamah ini telah meneliti petisyen rayuan yang difailkan di Mahkamah Persekutuan yang menyatakan:

> 1. Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman tersilap dari segi undang-undang apabila Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman telah akui terdapat satu perbezaan antara perkataan-perkataan digunakan dalam kedua-dua dokumen dengan ayat di dalam Akta tetapi telah membuat inferens bahawa kesilapan pemilihan perkataan-perkataan atau kehilangan ayat-

ayat yang tidak menurut perkataan dalam Akta bukanlah terjumlah kepada suatu kecacatan prosidur. Dengan itu Perayu percaya Perintah tersebut telah menjadi cacat dari segi undang-undang prosidur."

[64] Mahkamah Persekutuan pada 2 Disember 2008 telah menolak rayuan perayu dan alasan perayu yang dinyatakan dalam petisyen rayuan tidak diterima oleh Mahkamah Persekutuan.

[65] Mahkamah ini bersetuju dengan pendekatan muktahir berkaitan isu yang dibangkitkan oleh peguam pemohon telah pun dirungkai dalam kes *L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 7 CLJ 653. YAA Tun Zaki dalam penghakimannya menyatakan mahkamah tidak mengambil kira tentang kekaburan, kecukupan atau kerelevanan alasan-alasan tahanan kerana ianya tertakluk kepada kuasa eksekutif kecuali dibuktikan *mala fide*.

[66] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan peguam pemohon yang terpelajar dalam isu [3] yang dinyatakan di atas. Mahkamah ini bersetuju dengan pendirian PKP yang terpelajar ianya tidak menjejaskan perintah tahanan (DAK2).

[67] Bagi isu [4] yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar iaitu dalam perintah pahanan (DAK2), Lembaga Pencegahan Jenayah sekadar menyatakan "… berpuas hati yang perintah tahanan adalah perlu dibuat …". Lembaga Pencegahan Jenayah dalam perintah tahanan tidak menyatakan telah menimbangkan laporan pegawai inkuiri yang dikemukakan di bawah s. 10 dan apa-apa hasil kajian di bawah s. 11 Akta itu.

[68] Mahkamah ini berpendapat bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 19A(1) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

(1) The Board may, **after considering the report of the Inquiry Officer submitted under section 10 and the outcome of any review under section 11**, direct that any registered person be detained under a detention order for a period not exceeding two years, and may renew any such detention order for a further period not exceeding two years at a time, if it is satisfied that such detention is necessary in the interest of public order, public security or prevention of crime.

[penekanan ditambah]

[69] PKP yang terpelajar telah menghujahkan perintah tahanan (DAK2) bukannya "statutory form" dan ianya tidak menjejaskan perintah tahanan atas kegagalan dinyatakan Lembaga Pencegahan Jenayah telah menimbangkan laporan pegawai inkuiri yang disediakan di bawah s. 10 Akta itu dan apa-apa kajian semula di bawah s. 11 Akta itu.

[70] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar dalam isu [4] ini. Mahkamah ini sependapat dengan penghujahan peguam pemohon yang terpelajar iaitu kegagalan Lembaga Pencegahan Jenayah

menyatakan dalam perintah tahanan (DAK2) telah menimbangkan laporan pegawai inkuiri di bawah s. 10 Akta itu dan kajian semula di bawah s. 11 Akta itu merupakan suatu kecacatan dan ianya bercanggah dengan peruntukan s. 19A(1) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat ketinggalan menyatakan pra-syarat tersebut semasa perintah tahanan (DAK2) disediakan pada 21 April 2015 ianya tidak dapat diperbetulkan dengan afidavit kemudiannya. Sebarang percubaan responden untuk memperbaiki kecacatan ini melalui afidavit ianya tidak dapat menyelamatkan kecacatan yang telah berlaku di pihak Lembaga Pencegahan Jenayah. Mahkamah ini ingin berkongsi pandangan YA Jeffrey Tan H dalam kes *Kumareshan Subramaniam v. Dato' Chor Chee Heung & Anor* [2003] 4 CLJ 116 yang menyatakan:

> With respect, the subsequent affidavit could not make good what was required to be done at the time of service of the order.

Isu (5): Penghujahan Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[71] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan responden-responden gagal memfailkan afidavit oleh L/Kpl Kamalanathan a/l Troung Kodang yang berperanan sebagai Jurubahasa Tamil semasa menterjemahkan dapatan yang diserah oleh ASP Jagjeet Singh a/l Hazura Singh kepada pemohon di bawah s. 10(2) Akta itu.

[72] Peguam pemohon yang terpelajar telah menghujahkan kegagalan responden-responden memfailkan afidavit oleh L/Kpl Kamalanathan a/l Troung Kodang menimbulkan keraguan sama ada pemohon faham dapatan yang dikatakan telah diserahkan.

Penghujahan PKP Yang Terpelajar

[73] PKP yang terpelajar telah menghujahkan afidavit pegawai inkuiri di perenggan 18 telah memperincikan pemohon memahami Bahasa Malaysia. Begitu juga afidavit oleh ASP Jagjeet Singh a/l Hazura Singh telah menyatakan secara jelasnya telah memberitahu dapatan kepada pemohon. ASP Jagjeet Singh a/l Hazura Singh telah memohon bantuan L/Kpl Kamalanathan a/l Troung Kodang sebagai Jurubahasa Tamil.

[74] PKP yang terpelajar merujuk kes yang tidak dilaporkan iaitu dalam Mahkamah Tinggi, Malaya Di Muar, Permohonan Jenayah No: 44-29 Tahun 2005, *Nagarathinam a/l Vadivaloo v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia dan 3 Lagi* yang merungkai isu bahasa yang digunakan bagi tujuan menerangkan perintah tahanan dan pernyataan fakta dalam konteks s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Kes ini telah pun dirayu oleh pemohon ke Mahkamah Persekutuan [Rayuan Jenayah No: 05-1 Tahun 2006 (J)]. Mahkamah Persekutuan telah menolak rayuan perayu atas isu bahasa yang dikatakan tidak difahami oleh pemohon.

[75] PKP yang terpelajar turut merujuk perenggan 18 afidavit yang diikrarkan oleh ASP Jagjeet Singh a/l Hazura Singh yang telah pun memperincikan tugas untuk menerangkan dapatan kepada pemohon dan hak pemohon selanjutnya.

Pendapat Mahkamah Ini

[76] Mahkamah ini berpendapat walaupun tiada afidavit difailkan oleh L/Kpl Kamalanathan a/l Troung Kodang sebagai Jurubahasa Tamil, ianya tidak menjejaskan hak pemohon sehingga menyebabkan perintah tahanan cacat atau defek. Mahkamah ini bersetuju dengan kes yang dirujuk iaitu *Nagarathinam a/l Vadivaloo (supra)* yang memutuskan isu bahasa yang digunakan dan ianya tidak menjejaskan perintah tahanan dalam Akta yang relevan. Di hadapan Mahkamah Persekutuan, pemohon dalam petisyen rayuannya telah bergantung kepada isu bahasa sebagaimana berikut:

> 3) Yang Arif Hakim telah membuat kesilapan undang-undang dan fakta dalam membuat anggapan bahawa Pemohon faham Bahasa Malaysia berdasarkan pemohon adalah warganegara Malaysia dan mengikut umur dan kerjanya dalam keadaan tiada keterangan untuk menyokong kerja Perayu/Pemohon atau pun tahap pendidikan Perayu. Anggapan seperti mana dibuat oleh Yang Arif Hakim tidak bersandarkan sebarang keterangan dan bertentangan prinsip-prinsip dan undang-undang *Habeas Corpus* yang memerlukan pihak berkuasa yang menahan membuktikan bahawa setiap langkah dalam proses penahanan telah dipatuhi dengan sempurnanya.

[77] Keputusan Mahkamah Tinggi berkaitan isu bahasa ini sebagaimana dinyatakan dalam petisyen rayuan telah pun disahkan oleh Mahkamah Persekutuan oleh panel rayuan yang dianggotai oleh YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad Fairuz bin Dato' Sheikh Abdul Halim KHN, YAA Dato' Alauddin bin Dato' Mohd Shariff HMP dan YA Dato' Richard Malanjum HMP.

[78] Mahkamah ini berpendapat pemohon dalam afidavit sokongan dan afidavit tambahan telah mengakui seorang warganegara Malaysia. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan afidavit pemohon yang menyatakan:

> Saya, MUGILAN a/l MONYARASU (KP NO: 900114-10-5075) seorang Warganegara Malaysia dan cukup umur …

[79] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YA Jeffrey Tan H dalam kes *Nagarathinam a/l Vadivaloo (supra)* yang menyatakan:

> The Applicant is, by his own admission (see enclosure 4), a citizen of Malaysia where Bahasa Malaysia, apart from the fact it is the official language, is the *lingua franca*. Surely over the years and in his daily life, the Applicant would have picked up the *lingua franca*. The Applicant is the holder of identity card number 811121-06-5863, which first 6 digits reveal (see Regulation 5(2A) of National Registration Regulations 1990 as amended by P.U (A) 232/01) that the Applicant is well within that age as to have received some formal instruction in Bahasa Malaysia.

[80] Mahkamah ini selanjutnya telah meneliti Borang 1 bagi maksud kajian semula telah pun diisi oleh pemohon pada 23 Mac 2015. Bagi kemudahan rujukan dipetik Borang 1 yang menyatakan:

> * Saya, MUGILAN A/L MONYARASU (900114-10-5075) yang bernama diatas *~~BERPUASHATI~~/TIDAK BERPUAS HATI dengan Dapatan yang dibuat di bawah Seksyen 10 (2) dan * ~~TIDAK BERCADANG~~/ BERCADANG membuat kajian semula.
>
> Alasan untuk membuat kajian semula:
>
> Saya mohon buat kajian semula kerana semasa kejadian saya berada di Batu Gajah, Ipoh, Perak bersama keluarga saya dan saya tidak terlibat.

[81] Mahkamah ini berpendapat pemohon memahami apa yang telah diterangkan oleh ASP Jagjeet Singh a/l Hazura Singh dan ianya telah dibantu oleh L/Kpl Kamalanathan a/l Troung Kodang sebagai Jurubahasa Tamil.

[82] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan peguam pemohon dalam isu (5) ini.

Isu (6): Penghujahan Peguam Pemohon Yang Terpelajar

[83] Peguam pemohon yang terpelajar dalam usahanya mencabar perintah tahanan bergantung kepada isu yang terakhir iaitu perintah tahanan yang bertarikh 14 April 2015 hanya diserahkan kepada pemohon oleh Insp Mohd Anuar bin Ibrahim pada 15 April 2015 pada 12.50 tengah malam. Peguam pemohon merujuk kepada eks. "MAI1" yang menunjukkan perintah tahanan diserahkan pada 15 April 2015 jam 12.50 malam dan dihujahkan ianya bercanggah dengan peruntukan s. 19A(1) Akta itu. Responden-responden gagal memfailkan apa-apa afidavit bagi memberikan penjelasan berkaitan kelewatan menyerahkan perintah tahanan kepada pemohon. Mahkamah ini turut dirujukkan kes *Kumaran Suppiah v. Dato' Noh Hj Omar & Anor* [2006] 4 CLJ 675 di mana memutuskan sebarang kelewatan di pihak responden perlu memberikan penjelasan.

Penghujahan PKP Yang Terpelajar

[84] PKP yang terpelajar menghujahkan tiada sebarang kelewatan berkaitan penyerahan perintah tahanan atas pemohon. Perintah tahanan dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah pada 14 April 2015 dan diserahkan kepada pemohon pada 15 April 2015 jam 12.50 malam.

Pendapat Mahkamah Ini

[85] Mahkamah ini berpendapat di bawah s. 19A(4) Akta itu ianya tidak menetapkan tempoh masa tertentu untuk menyerahkan perintah tahanan kepada pemohon. Parlimen sekadar menyatakan "as soon as may be". Sebagai perbandingan Parlimen semasa menggubal peruntukan s.10(2) Akta itu telah menetapkan salinan dapatan pegawai inkuiri diserahkan dengan "serta-merta" (forthwith).

[86] Mahkamah ini berpendapat perintah tahanan telah dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah pada 14 April 2015 dan ianya diserahkan pada 15 April 2015 pada jam 12.50 malam ianya termasuk dalam frasa "as soon as may be". A

[87] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 19A(4) Akta itu yang berbunyi seperti berikut: B

> s. 19A(4) A copy of every detention order made by the Board under subsection (1) shall **as soon as may be** after the making of the order be served on the person to whom it relates, and every such person shall be entitled to make representations to an Advisory Board constituted under Clause (2) of Article 151 of the Federal Constitution in accordance with the prescribed procedures. C
>
> [penekanan ditambah]

[88] Mahkamah ini secara analogi merujuk kes *Kam Teck Soon v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Yang Lain* [2001] 7 CLJ 586 di mana ada menyentuh frasa "as soon as may be" bagi maksud art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan. YA VT Singham H dalam penghakimannya menzahirkan pandangannya: D

> Mahkamah ini berpendapat bahawa perkataan 'as soon as may be' di art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan untuk s. 3(1) Ordinan 1969, samada masa itu akan mengambil masa yang panjang atau pendek adalah tertakluk kepada alasan-alasan yang akan disediakan untuk s. 4(1) Ordinan 1969. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa perkataan di art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak menggunakan 'as soon as possible' tetapi 'as soon as may be'. Apakah tempoh yang munasabah tertakluk kepada satu kes individu dan tempoh yang arbitrary tidak boleh di tetapkan atau dihadkan seperti dinyatakan terlebih dahulu. E F

[89] Mahkamah ini bersetuju dengan takrifan frasa "as soon as may be" dalam kes *Kam Teck Soon (supra)* ianya bergantung kepada fakta sesuatu kes yang berbeza-beza. Mahkamah ini telah meneliti afidavit yang diikrarkan oleh Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid yang mengesahkan pada 14 April 2015 jam 9.30 pagi Lembaga Pencegahan Jenayah bersidang dan mengeluarkan Perintah Tahanan (DAK2) atas pemohon. Kemudiannya Insp Mohd Anuar bin Ibrahim telah menyerahkan salinan perintah tahanan kepada pemohon pada 15 April 2015 jam 12.50 malam di Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor. Mahkamah ini berpendapat setelah meneliti senario kes pemohon, responden-responden telah pun menyerahkan salinan perintah tahanan "as soon as may be" dalam konteks s. 19A(4) Akta itu dan ianya tidak menjejaskan keesahan perintah tahanan sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar. G H

[90] Mahkamah ini merujuk kes *Kumaran Suppiah (supra)* yang dirujuk oleh peguam pemohon yang terpelajar. Mahkamah ini berpendapat fakta kes *Kumaran Suppiah (supra)* ianya berbeza dengan fakta kes di hadapan mahkamah sekarang. Dalam kes *Kumaran Suppiah (supra)* perintah dibuat I

A mengikut s. 4(1) Ordinan Darurat (Kententeraman Awam Dan Pencegahan Jenayah) 1969. YB Menteri telah mengeluarkan perintah pada 17 Disember 2004 dan tempoh dua tahun berkuat kuasa pada 26 Disember 2004. Memandangkan berlaku kelewatan dan ianya tidak diberi penjelasan, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan ianya terjumlah kepada
B ketidakpatuhan prosedur dan *habeas corpus* dibenarkan terhadap pemohon.

[91] Mahkamah ini berpendapat dalam kes pemohon perintah tahanan (DAK2) secara jelasnya menyatakan tempoh dua tahun bermula dari 14 April 2015 iaitu tarikh Lembaga Pencegahan Jenayah bersidang dan bukannya berkuat kuasa pada tarikh yang berlainan sebagaimana yang
C berlaku dalam kes *Kumaran Suppiah (supra).*

[92] Mahkamah ini juga berpendapat walaupun salinan perintah tahanan diserahkan pada 15 April 2015 jam 12.50 malam ianya tidak menjejaskan hak pemohon untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat mengikut per. 3(2) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara
D Lembaga Penasihat) 2014. Pada 15 April 2015 Hj Kushairi bin Manap, Pegawai Yang Menjaga responden keempat telah menyerahkan tiga salinan Borang 1 kepada pemohon bagi tujuan membuat respresentasi kepada Lembaga Penasihat. Mahkamah ini tidak sependapat dengan penghujahan peguam pemohon yang terpelajar dalam isu (6) ini.

E

Kesimpulan

[93] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar atas isu [1] dan [4] bagi mencabar perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah.
F Mahkamah ini membenarkan permohonan *habeas corpus* di lampiran [2] tanpa kos.

G

H

I